

BEIJING - TIANJIN - GUBEI WATER TOWN

8 HARI 6 MALAM

malaysia
airlines

SOKA Melancong

M Melancong.my

KPL/LN 7816 1114604-D
Hadigo
Travel & Tours Sdn Bhd

MEMUDAHKAN PERCUTIAN ANDA!

Pejabat Urusan: No 12-2, Ken Rimba
Jalan Lengkuas C,16/C, Seksyen 16
40200 Shah Alam, Selangor.

HOTLINE: 6012-675-6884

8H6M

BEIJING - TIANJIN - GUBEI WATER TOWN

SOKA Melancong

HARI 1

Kuala Lumpur - Beijing

Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Beijing.

HARI 2



MT/MM

Beijing - Simatai

Lawatan di **Beijing**:

- Merasai pengalaman aktiviti bebas yang menakjubkan di **Gubei Water Town**, sebuah bandar kebudayaan terkenal di sekitar Beijing. Tetamu akan dihidangkan dengan pelbagai aktiviti percuma dan pemandangan gunung yang hijau, sungai yang mengalir di tengah bandar serta tembok besar Simatai. Bandar ini juga menjadi tumpuan untuk pelbagai penggambaran iklan dan filem disebabkan senibina traditional serta budaya kuno China yang masih dikekalkan.



Gubei Water Town

HARI 3



SP/MT/MM

Simatai - Beijing

- Menaiki kereta kabel menuju ke **Simatai Great Wall**, Tembok besar Simatai ini sepanjang 5.4km dan mendapat gelaran pemandangan terbaik di dunia pada 2012 serta merupakan bahagian tembok besar China yang terbaik.
- Lawatan ke **Burning Cream Center**, sebuah pusat perubatan tradisional China yang menggabungkan pelbagai herba yang digunakan turun-temurun.

- Melawat **Bird Nest Stadium** yang merupakan sebuah stadium ikonik pada Sukan Olimpik Beijing 2008. Ini kerana rekabentuknya sangat unik seakan sarang burung, di mana struktur luaran stadium diperbuat daripada besi keluli yang dianyam menghasilkan corak seperti jeriji.

- Berfoto di **Water Cube** yang merupakan salah satu lokasi acara Olimpik berbentuk kiub besar buih sabun dan kini telah diubahsuai menjadi taman air dan juga sebagai taman beriadah.

HARI 4



SP/MT/MM

Beijing

- Melawat **Herbal Medicine Center**, pusat perubatan tradisional cina yang menggunakan herba yang berkualiti yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan China.
- Melawat **Tiananmen Square** yang merupakan sebuah dataran yang penuh dengan sejarah. Antaranya adalah tragedi demonstrasi pro demokrasi para pelajar universiti pada tahun 1989. Di sini terdapat binaan penting seperti Monument to the People's Heroes, Great Hall of the People dan Gate of Heavenly Peace selain Mausoleum of Mao Zedong dan National Museum of China.
- **Forbidden City**: Kompleks istana berusia lebih 600 tahun yang dibina pada tahun 1406 semasa Dinasti Ming. Kota istana yang dikelilingi tembok setinggi 8m dan parit ini menjadi kediaman dan pusat pemerintahan maharaja China sehingga tahun 1924. Kompleks istana ini terbahagi kepada 2 bahagian; Outer dan Inner Court. Tetamu pastinya merasa kagum dengan senibina China sebaik sahaja melangkah masuk melalui Meridian Gate. Tarikan paling utama di kota ini ialah Hall of Supreme Harmony yang menjadi dewan menghadap maharaja China dan perkahwinan diraja, disamping Palace of Heavenly Purity yang menjadi balai mesyuarat maharaja dan pembesar.



Forbidden City

- Bersolat di masjid yang tertua di Beijing, **Niuji Mosque** yang dibina pada tahun 996 ketika Dinasti Liao. Senibina masjid ini merupakan seni campuran ukiran Islam dan kaum Han, dan disini ada disimpan kitab Al-Quran yang berusia lebih 300 tahun. Masjid ini hampir musnah diserang tentera Genghis Khan pada 1215 tetapi telah dibaik pulih pada 1443 ketika Dinasti Ming.
- Membeli-belah di **Muslim Supermarket**, dimana tetamu boleh mendapat barangan yang halal seperti rempah-ratus, sayur-sayuran, produk tenusu, roti dan juga kacang-kacang seperti buah berangan, almond dan lain-lain.
- Masa bebas untuk bersiar-siar dan membeli-belah di **Wangfujing Street** yang merupakan kawasan membeli-belah yang terbesar dan paling terkenal di China yang wujud beratus tahun dahulu sejak dari zaman Dinasti Ming lagi. Pelbagai jenis kedai menjual barangan moden dan antik, gerai-gerai makanan selain pusat beli-belah Beijing Mall dan Beijing Department Store.
- Menyaksikan persembahan penuh dengan ilusi, mistik dan mendebarkan di **Acrobatic Show** pada sebelah petang.

Bermalam di **Beijing**.

HARI 5 SP/MT/MM

Beijing

- Membeli-belah di **Jewelry City** yang sangat popular dengan barang kemas yang diperbuat dari jade dan mutiara yang berkualiti tinggi
- Melawat **Summer Palace** yang dibina pada kurun ke-12 di sekitar Longevity Hill dan Kunming Lake ketika zaman Dinasti Yuan sebagai istana bersemayam musim panas bagi maharaja China. Istana ini mula dijadikan muzium sejak dari tahun 1914 lagi ketika pemerintahan maharaja terakhir China, Puyi. Diiktiraf sebagai taman istana terbesar di dunia, tetamu akan dapat menikmati pemandangan flora yang cantik dan panorama sekitar tasik yang mengagumkan. Antara tarikan di sini ialah Seventeen-Arch Bridge, Wenchang Pavilion, Foxiang Ge Tower dan Hall of Benevolence and Longevity.
- Membeli-belah di **Silk Street**. Sesuai namanya, kawasan ini terkenal menjual kain pakaian sutera dan di sini terdapat Silk Market yang setinggi 6 tingkat dengan lebih 1,000 buah kedai yang menjual pelbagai jenis barangan dan cenderamata selain sutera.

Bermalam di **Beijing**. 

HARI 6 SP/MT/MM

Beijing - Tianjin - Beijing

- Merasai pengalaman menaiki **Bullet train** ke Tianjin. Salah satu bandar komersial yang termuka di China.
- Membeli-belah pelbagai barangan di **Food and Culture Street**, seperti kraf tangan dan mencuba makanan ringan tempatan muslim. Tempat ini turut menyajikan seni bina dan budaya klasik seperti di zaman pemerintahan Dinasti Qing.
- Singgah dan ziarah **Great Mosque** di Tianjin. Salah satu masjid yang paling terkenal di China ini menjadi tempat ibadah bagi umat islam bermula pada tahun 1644 iaitu permulaan Dinasti Qing. Pelbagai makanan muslim tempatan yang lazat juga dijual kepada pengunjung di sekitar masjid.
- Terletak di Dataran Marco Polo, Daerah Hebei, **Italian Style Street** merupakan sebuah resort pelancongan dengan gaya Itali di bandar Tianjin. Ia dahulunya dikenali sebagai satu-satunya konsesi di luar Itali, dan kini merupakan bangunan besar gaya Itali yang unik di Asia.

HARI 7 SP/MT/MM

Beijing

- Bersiar-siar sambil membeli-belah di **Qianmen Culture Area** di tengah bandar Beijing. Tempat yang mempunyai sejarah lebih 570 tahun ini bukan sahaja menyediakan pemandangan seni bina bangunan dari zaman Dinasti Qing malahan pelbagai butik berjenama serta restoran muslim yang terkenal menanti para tetamu.



Qianmen Culture Area

- Membeli-belah di **Hong Qiao Market**, tempat ini dikunjungi lebih daripada sejuta pengunjung dari seluruh dunia pada setiap tahun. Tarikan utama tempat ini adalah mutiara yang bermutu tinggi, produk digital, sutera dan pelbagai makanan laut yang eksotik.
- Meneruskan lawatan membeli-belah ke **Bairong World Trade Center**. Merupakan pusat borong terbesar di Utara China dan pusat perdagangan terbesar di Asia. Pelbagai barangan jenama pakaian terkenal, kebudayaan dan sukan menjadi tarikan pada para pengunjung.

Bermalam di **Beijing**.

HARI 8 SP

Beijing - Kuala Lumpur

Menaiki penerbangan pagi pulang ke Kuala Lumpur.

8H6M

BEIJING - TIANJIN - GUBEI WATER TOWN



Summer Palace



HOTEL PENGINAPAN		3* Hotel
BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Gubei	Guest House	1 Mlm
Beijing	Bright Culture Hotel	5 Mlm

JADUAL PENERBANGAN



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	MH 318	KUL PKX	2340	0600
8	MH 319	PKX KUL	1000	1630

PERBEZAAN WAKTU

GMT+8

Chinese Yuan CNY1

= Ringgit Malaysia MYR0.65



Tiananmen Square

SOKA Melancong

HARGA PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel 4 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel, makan tengahari dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Tiket masuk ke tempat lawatan seperti yang dinyatakan.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

HARGA PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Travel & Covid-19 Insurans - Hubungi kami bagi khidmat nasihat dan pembelian premium insurans yang sesuai.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebih had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.